



Potensi Herba sebagai Komoditi Baharu?

KELAPA sawit, koko, bijih timah, minyak mentah dan getah merupakan antara komoditi yang menjadi sumber pendapatan negara yang signifikan untuk pembangunan dan pertumbuhan ekonomi tempatan. Namun demikian, mutakhir ini tumbuhan herba dilihat mempunyai potensi untuk diangkat sebagai komoditi baharu yang bakal memberikan pulangan yang lumayan kepada pendapatan Malaysia. Berdasarkan permintaan yang tinggi terhadap hasil produk tumbuhan herba pada peringkat domestik dan global, industri herba dan aromatik di Malaysia dilihat mempunyai potensi untuk merangsang ekonomi negara.

Ternyata pasaran produk berasaskan herba tidak perlu diragui kerana wujudnya trend dalam kalangan masyarakat berpendidikan yang mengutamakan produk berasaskan alam semula jadi berbanding dengan produk yang mengandungi bahan kimia.

Dengan hal yang demikian, tidak dapat dinafikan lagi bahawa tumbuhan herba yang tumbuh subur di hutan khatulistiwa di Malaysia, sememangnya dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjanakan pendapatan negara, sekali gus sektor ini mampu memberikan pulangan berbilion

Ringgit setahun sekiranya usaha dan kaedah tanaman secara komersial dilakukan dengan komprehensif.

Malaysia mempunyai kelebihan kerana hutan di negara ini menyimpan pelbagai jenis herba, iaitu tumbuh-tumbuhan yang kini diteroka khasiatnya untuk manfaat manusia sebagai makanan dan ubat-ubatan. Untuk menjadikan tumbuhan herba sebagai dimensi baharu komoditi negara bukanlah suatu hal yang mustahil untuk dicapai, memandangkan Malaysia merupakan antara negara terkaya di dunia dari segi sumber hutan yang mengandungi lebih daripada 20 ribu spesies tumbuhan. Lebih menarik, daripada jumlah tersebut, kira-kira 2000 spesies telah didokumentasikan sebagai tumbuhan ubat-ubatan, sekali gus berfungsi sebagai stor simpanan yang mengandungi bahan herba bernilai tinggi untuk diproses menjadi produk penjagaan kesihatan.

Tongkat ali atau nama saintifiknya *Eurico longifolia*, kacip fatimah (*Labisia pumila*) dan

Sektor ini mampu memberikan pulangan berbilion Ringgit setahun sekiranya usaha dan kaedah tanaman secara komersial dilakukan dengan komprehensif.



pegaga (*Centella asiatica*) adalah antara ribuan tumbuhan herba atau ubat-ubatan mujarab dalam merawat pelbagai penyakit, yang tumbuh melata kerana faktor iklim khatulistiwa yang bersesuaian dengan hutan di Malaysia. Selain itu, tumbuhan yang turut dianggap sebagai komoditi baharu yang berpotensi untuk masa depan termasuklah lidah buaya, hempedu bumi, kunyit, serai wangi, cekur, mengkudu, kemangi, misai kucing, dukung anak dan nilam.

Jika dahulu tumbuhan herba ini ditanam secara kecil-kecilan di sekeliling rumah atau dicari di hutan rimba untuk industri kampung, tetapi kini Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memelopori usaha penanamannya secara lebih meluas. Sasarannya bukan lagi menanam tanaman herba di tanah yang berkeluasan berpuluh ekar sahaja, tetapi ke arah menggalakkan masyarakat dan usahawan tempatan mengusahakan ladang herba bersaiz ratusan hektar mahupun ribuan hektar. Langkah itu adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara untuk mengenal pasti industri herba sebagai salah satu industri yang amat berpotensi dimajukan pada abad ke-21.

Selari dengan perubahan gaya hidup masyarakat dunia dan keperluan industri makanan juga, tumbuhan herba berupaya menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada peladang mahupun petani. Bahkan sektor ini menjanjikan pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan penghasilan sesetengah tanaman tradisi lain yang banyak diusahakan oleh petani atau pekebun kecil di luar bandar. Pasaran bagi produk herba yang meningkat berkali ganda sejak berpuluh tahun lalu, sudah tentu memberikan jaminan yang lebih kukuh kepada peserta dalam industri ini untuk lebih berdaya saing bagi memenuhi permintaan pengguna.

Pada tahun 1996 sahaja, penggunaan makanan herba dunia untuk kesihatan mencecah RM950 bilion dan dijangka meningkat sehingga RM3000 bilion pada masa sekarang. Begitu juga dengan permintaan pasaran dunia terhadap herba dan produknya yang kini mencecah nilai berbilion Ringgit berbanding hanya RM2094 juta pada tahun 1980 dan kini mencecah RM600 bilion, seperti yang dilaporkan oleh Pusat Perdagangan Antarabangsa.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada dilanda arus perkembangan perubatan tradisional dunia. Nilai import tumbuhan ubat-ubatan herba dan aromatik negara telah meningkat daripada RM7 bilion pada tahun 2006 melonjak kepada RM9 bilion pada tahun 2009 sehinggalah diunjurkan mencecah RM29 bilion pada tahun 2020. Pasaran makanan kesihatan turut menunjukkan pertubuhan positif, iaitu meningkat sebanyak lapan hingga 15 peratus setahun.

Peningkatan permintaan tersebut sangat berkaitan rapat dengan faktor tumbuhan herba yang digunakan secara meluas bagi menghasilkan produk seperti perubatan tradisional, penghasilan bahan kimia tulen dalam ubat-ubatan dan ekstrak yang mengandungi bahan aktif. Selain itu, hasil tumbuhan herba juga digunakan dalam industri makanan, minuman, perisa, kosmetik, bahan pencuci, kemasan diri, penambahan diet serta wangi-wangian, di samping dimanfaatkan dalam bahan kimia yang lain.

Sementara itu, yang paling banyak mengaut keuntungan sudah tentulah industri farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional dan makanan kesihatan. Di Malaysia, kepelbagaian biologi flora dan fauna

mampu menjadi pemangkin kemajuan industri herba tempatan, dan seterusnya merealisasikan kewujudannya sebagai komoditi baharu untuk memacu ekonomi negara agar lebih mampan lagi.

Perkembangan maklumat tentang kepelbagaian khasiat tumbuhan herba menjadi faktor penarik dalam kalangan saintis Barat untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (P&P) yang berkaitan dengan tumbuhan itu, seterusnya mengusahakannya secara komersial.

Oleh hal yang demikian, 80 peratus daripada pasaran domestik produk tumbuhan herba dan aromatik yang bernilai RM10 bilion setahun itu datangnya dari luar kerana peserta asing dalam industri ini mempunyai bahan mentah yang lebih berkualiti melalui P&P yang dijalankan.

Saintis Barat yang lebih pantas mengorak langkah untuk mengaut keuntungan daripada sektor ini, menyedari bahawa penggunaan tumbuhan herba sebagai ubat-ubatan kurang memberikan kesan sampingan berbanding dengan penggunaan ubat moden atau dadah. Oleh itu, pengguna yang semakin peka dengan aspek kesihatan dan kecantikan, lebih cenderung untuk memilih produk yang berasaskan herba dan aromatik kerana faktor risiko yang rendah, di samping faktor keberkesannya yang lebih terjamin.

Di samping itu, bagi memastikan industri herba di Malaysia dapat memanfaatkan sumber alam yang dimiliki dan seterusnya mengambil peluang memenuhi permintaan pasaran yang tinggi pada peringkat domestik dan global, peserta dalam sektor ini perlulah lebih proaktif dalam usaha untuk mengkomersialkan sektor tanaman herba.

Teknik atau tatacara tanaman yang menggunakan kos yang rendah perlu diketahui terlebih dahulu, selain meneroka ilmu yang berkaitan dengan teknologi pemrosesan herba. Hal ini perlu dilakukan kerana menjadi antara isu utama dalam melaksanakan tanaman herba secara besar-besaran.

Agensi yang turut giat melaksanakan usaha yang bernilai tambah untuk membangunkan industri herba adan aromatik di negara ini ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Agensi itu menubuhkan Bahagian Tumbuhan Ubatan yang kemudiannya dikenali sebagai Bahagian Hasil Semula Jadi pada Februari 2011, untuk

memberikan fokus kepada usaha P&P teknologi dalam bidang tumbuhan ubat-ubatan dan herba.

Bahagian tersebut menggunakan pendekatan pelbagai disiplin dalam melaksanakan penyelidikan untuk membangunkan ekstrak piawai dan produk prototaip daripada tumbuhan ubat-ubatan dan aromatik seperti kosmetik, nutrasetikal, makanan berfungsi dan fitoperubatan.

FRIM terlibat dengan penyelidikan tumbuhan herba sejak tahun 1995 selepas Kabinet mengarahkan penubuhan Bahagian Tumbuhan Ubatan di FRIM pada April 1994. FRIM juga menjadi pelopor kepada penyelidikan antioksidan selepas bahagian tersebut ditubuhkan di FRIM pada tahun 1995. Sehingga kini, FRIM sudah melaksanakan sembilan ujian antioksidan dan ujian yang terbaharu melibatkan *Oxygen Radical Antioxidant Capacity* (ORAC) yang ditambah ke dalam ujian antioksidan yang sedia ada pada tahun 2011.

ORAC ialah ujian antioksidan yang diterima pakai di seluruh dunia sebagai ujian piawai untuk mengukur aktiviti antioksidan dalam produk nutrasetikal, farmasetikal dan industri pemakanan. Perkembangan ini memperlihatkan FRIM melangkah ke hadapan dalam memberikan suntikan baharu kepada industri herba, khususnya yang diperoleh dari hutan. Hal ini dikatakan demikian kerana FRIM mempunyai kepakaran dalam mengenal pasti tumbuh-tumbuhan herba, mencirikannya dan menghasilkan penanda bagi setiap sebatian aktif atau sebatian kimia yang berguna dalam tumbuh-tumbuhan berkenaan.

Selain menempa kejayaan yang sangat penting bagi program pembangunan dalam penemuan sebatian bioaktif dengan nilai terapeutik, FRIM juga berjaya mengenal pasti tumbuhan ubat-ubatan yang tulen menerusi usaha pencirian kimia dan morfologi. Semua hasil P&P yang dijalankan oleh FRIM memberikan impak yang besar kepada industri herba dan aromatik negara, di samping memberikan sinar baharu kepada sumber komoditi yang berpotensi untuk diteroka. ●

Pengguna yang semakin peka dengan aspek kesihatan dan kecantikan, lebih cenderung untuk memilih produk yang berasaskan herba dan aromatik.

Pasaran makanan kesihatan turut menunjukkan pertubuhan positif, iaitu meningkat sebanyak lapan hingga 15 peratus setahun.